



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010  
SEJARAH**

**Kertas 1 & 2  
Ogos**

**Peraturan  
Pemarkahan**

---

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi **25** halaman bercetak.

**[Lihat sebelah**

## KERTAS 1

SOALAN	JAWAPAN	M/S	TING.	ARAS	ASPEK	FOKUS
1	A	8, 20	4	PENGETAHUAN	SOSIAL	LARAS BAHASA
2	C	28, 29	4	KEFAHAMAN	SOSIAL	
3	C	59	4	PENGETAHUAN	SOSIAL	
4	B	66	4	PENGETAHUAN	SOSIAL	
5	D	83	4	KEFAHAMAN	SOSIAL	
6	C	86	4	KEFAHAMAN	POLITIK	
7	A	101	4	KEFAHAMAN	SOSIAL	
8	A	110	4	KEFAHAMAN	SOSIAL	
9	C	125, 126	4	KEFAHAMAN	POLITIK	
10	D	137	4	PENGETAHUAN	SOSIAL	
11	B	156	4	PENGETAHUAN	SOSIAL	
12	A	165	4	PENGETAHUAN	SOSIAL	
13	C	177	4	PENGETAHUAN	SOSIAL	
14	D	187	4	PENGETAHUAN	SOSIAL	
15	B	208	4	KEFAHAMAN	SOSIAL	LARAS BAHASA
16	D	208	4	KEFAHAMAN	SOSIAL	
17	C	235	4	KEFAHAMAN	EKONOMI	
18	B	239	4	KEFAHAMAN	SOSIAL	
19	C	253	4	PENGETAHUAN	SOSIAL	
20	D	248	4	KEFAHAMAN	EKONOMI	
21	B	9	5	KEFAHAMAN	POLITIK	
22	B	9	5	KEFAHAMAN	POLITIK	
23	B	41, 42	5	KEFAHAMAN	POLITIK	
24	A	56	5	PENGETAHUAN	POLITIK	
25	D	74	5	PENGETAHUAN	POLITIK	
26	A	86	5	KEFAHAMAN	POLITIK	
27	B	105	5	PENGETAHUAN	POLITIK	
28	B	111	5	PENGETAHUAN	POLITIK	
29	B	120	5	PENGETAHUAN	EKONOMI	
30	D	126	5	PENGETAHUAN	POLITIK	
31	B	138	5	KEFAHAMAN	POLITIK	
32	D	148	5	PENGETAHUAN	POLITIK	
33	C	172	5	PENGETAHUAN	POLITIK	
34	C	188	5	PENGETAHUAN	POLITIK	
35	A	201	5	PENGETAHUAN	EKONOMI	
36	C	214, 215	5	KEFAHAMAN	SOSIAL	
37	B	220	5	KEFAHAMAN	SOSIAL	
38	A	230	5	KEFAHAMAN	POLITIK	
39	A	251	5	PENGETAHUAN	EKONOMI	
40	D	263	5	KEFAHAMAN	SOSIAL	

## KERTAS 2

SOALAN	PECAHAN	M/S	TING.	ARAS	ASPEK	FOKUS
1	a	24	4	PENGETAHUAN	SOSIAL	
	b	24 – 25	4	KEFAHAMAN	SOSIAL	
	c	25	4	PENGETAHUAN	SOSIAL	
	d	27	4	PENGETAHUAN	SOSIAL	
	e	27 - 28	4	KEFAHAMAN	SOSIAL	KBKK TERTUTUP / TERBUKA
2	a	175, 177 - 178	4	PENGETAHUAN	SOSIAL	
	b	175 - 176	4	PENGETAHUAN	SOSIAL	
	c	78 - 79, 175 - 176	4	KEFAHAMAN	EKONOMI	
	d	176, 179 - 180	4	PENGETAHUAN	SOSIAL	
	e	178	4	KEFAHAMAN	SOSIAL	KBKK TERTUTUP
3	a	49	5	PENGETAHUAN	POLITIK	
	b	49	5	PENGETAHUAN	SOSIAL	
	c	49 – 50	5	KEFAHAMAN	POLITIK	
	d	50	5	KEFAHAMAN	POLITIK	
	e	49 – 50, 60	5	KEFAHAMAN	POLITIK	KBKK TERTUTUP / TERBUKA
4	a	210, 212, 216 - 218	5	PENGETAHUAN	SOSIAL	
	b	215	5	KEFAHAMAN	SOSIAL	KBKK TERTUTUP
	c	216	5	PENGETAHUAN	SOSIAL	
	d	218	5	PENGETAHUAN	SOSIAL	
	e	210 - 218	5	KEFAHAMAN	SOSIAL	KBKK TERTUTUP / TERBUKA
5	a	132	4	PENGETAHUAN	POLITIK	
	b	132	4	PENGETAHUAN	POLITIK	
	c (i)	135 – 137	4	PENGETAHUAN	POLITIK	
	c (ii)	135 – 137	4	KEFAHAMAN	POLITIK	KBKK TERTUTUP / TERBUKA
6	a	252 - 253, 264	4	PENGETAHUAN	SOSIAL	
	b	265 – 266	4	PENGETAHUAN	SOSIAL	
	c	270	4	KEFAHAMAN	POLITIK	KBKK TERTUTUP / TERBUKA

<b>SOALAN</b>	<b>PECAHAN</b>	<b>M/S</b>	<b>TING.</b>	<b>ARAS</b>	<b>ASPEK</b>	<b>FOKUS</b>
7	a	200, 75 - 78	4 5	PENGETAHUAN	POLITIK	
	b	80	5	PENGETAHUAN	POLITIK	
	c	90	5	KEFAHAMAN	POLITIK	KBKK TERTUTUP / TERBUKA
8	a (i)	167 – 170	5	PENGETAHUAN	POLITIK	
	a (ii)	167 – 168	5	PENGETAHUAN	POLITIK	
	b	172 – 173	5	PENGETAHUAN	POLITIK	
	c	184 – 185	5	KEFAHAMAN	POLITIK	KBKK TERTUTUP / TERBUKA
9	a	229 – 231	5	PENGETAHUAN	POLITIK	
	b	231	5	PENGETAHUAN	POLITIK	
	c	236 -242	5	KEFAHAMAN	POLITIK	KBKK TERTUTUP / TERBUKA

## KERTAS 2

## Bahagian A


1 Tamadun Indus merupakan salah satu tamadun awal manusia yang terbentuk di lembah Sungai Indus, bermula dari Pergunungan Himalaya dan mengalir ke Laut Arab.

- (a) Namakan **satu** bandar yang terdapat dalam tamadun ini. [1 markah]  
 (b) Nyatakan **tiga** ciri bandar terancang dalam tamadun Indus. [3 markah]  
 (c) Tuliskan **dua** struktur masyarakat yang terdapat dalam tamadun ini. [2 markah]  
 (d) Senaraikan **dua** bidang ilmu pengetahuan yang membantu pembinaan bandar terancang. [2 markah]  
 (e) Pada pandangan anda, apakah iktibar yang boleh kita pelajari daripada kejayaan masyarakat tamadun Indus kepada negara kita. [2 markah]

Soalan	Butiran	Markah
1a (m.s 24)	<b>F1</b> – Mohenjo-Daro <b>F2</b> – Harappa <b>F3</b> - Lothal <b>F4</b> – Sutkagen Dor <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 1 x 1</b></p>	1 1 1 1 <b>[1m]</b>
1b (m.s 24 - 25)	<b>F1</b> – Bandarnya terbahagi kepada dua bahagian <b>F2</b> – Dikelilingi oleh tembok <b>F3</b> – Bahagian utama merupakan pusat pentadbiran / bangunan pentadbiran / keagamaan / tempat mandi awam / tempat menyimpan hasil pertanian <b>F4</b> - Bahagian kedua ialah kawasan perumahan <b>F5</b> - Susun atur yang sistematik <b>F6</b> – Bandar disusun berasaskan blok-blok bersegi empat <b>F7</b> –Setiap blok dipisahkan oleh jalanraya yang lurus / bersambung antara satu sama lain <b>F8</b> - Mempunyai sistem kumbahan yang terancang. <b>F9</b> – Rumah-rumah mempunyai bilik mandi / tandas <b>F10</b> –Air / kumbahan dari rumah disalir keluar melalui paip ke longkang yang mengalir di bawah tanah <b>F11</b> -Longkang tidak ditutup membolehkan kerja pembersihan jika tersumbat <b>F12</b> -Bahan bungan dihantar ke pusat pembuangan <b>F13</b> -Bandar dihubungkan dengan sungai yang berfungsi sebagai jalan perhubungan <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 3 x 1</b></p>	1 1 1  1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 <b>[3m]</b>
1c (ms. 25)	<b>F1</b> - Pemerintah daripada kalangan pendeta <b>F2</b> - Pendeta <b>F3</b> - Pedagang <b>F4</b> - Petani <b>F5</b> - Buruh <b>F6</b> - Hamba <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 2 x 1</b></p>	1 1 1 1 1 1 <b>[2m]</b>

Soalan	Butiran	Markah
1d (ms. 27)	<b>F1 - Ilmu geometri</b> <b>F2 – Kesenian</b> <b>F3 – Matematik</b> <b>F4 – Teknologi pembakaran batu-bata</b> <b>F5 – Ilmu pembinaan</b> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 1 x 1</b></p>	1 1 1 1 1 <b>[1m]</b>
1e (ms. 27 - 28)	<b>F1- Keupayaan / kebolehana mengeksploitasi kelebihan sumber alam</b> <b>F2- Kedamaian / keamanan penting untuk kejayaan</b> <b>F3- Penguasaan / pemahaman terhadap ilmu / kemahiran</b> <b>F4- Sifat keterbukaan</b> <b>F5- Perancangan bandar.</b> <b>F6- Perancangan ekonomi</b> <b>F7- Kekuatan aspek kerohanian dan kepercayaan</b> <b>F8- Kreativiti masyarakat pemacu kepada kejayaan</b> <b>F9- Keupayaan mengabungkan ilmu / kepakaran</b> <b>F10- Melahirkan masyarakat yang matang</b> <b>F11- Kreativiti / inovatif</b> <b>F12- Bertukar-tukar pendapat</b> <b>F13- Menerima unsur-unsur positif / unsur-unsur yang bermanfaat</b> <b>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</b> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 2 x 1</b></p>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 <b>[2m]</b>

2 Rajah berikut berkaitan dengan teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara.



- (a) Namakan tokoh sejarawan yang mengemukakan teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara [1 markah]
- (b) Nyatakan **tiga** bukti yang menyokong teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara dari Semenanjung Tanah Arab. [3 markah]
- (c) Mengapakah Asia Tenggara menjadi tumpuan para pedagang? [2 markah]
- (d) Nyatakan **dua** sebab pedagang Arab membina perkampungan di Asia Tenggara? [2 markah]
- (e) Berdasarkan pengetahuan anda, apakah pengaruh China yang terdapat pada seni bina masjid di Malaysia. [2 markah]

Soalan	Butiran	Markah
2a (m.s 175, 177 - 178)	<b>F1</b> – John Crawford <b>F2</b> – Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas <b>F3</b> - Emanuel Gadinho Eredia <b>F4</b> – S.Q. Fatimi <b>F5</b> – Snouck Hurgronje <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 1 x 1</b></p>	1 1 1 1 1 <b>[1m]</b>
2b (m.s 175 – 176)	<b>F1</b> – Menerusi aktiviti perdagangan <b>F2</b> – Bukti catatan China yang menyatakan bahawa orang Arab / Parsi telah mempunyai pusat perniagaan / petempatan di Canton / Amoy sejak tahun 300 M. <b>F3</b> – Pedagang Arab menguasai perdagangan laut dari pelabuhan Iskandariah di Mesir hingga ke China <b>F4</b> – Pedagang Arab telah berdagang secara berterusan di rantau Asia Tenggara terutama setelah kemunculan Islam di Makkah pada abad ke-7 M. <b>F5</b> – Pedagang Arab yang berdagang ke China telah singgah di pelabuhan utama di Asia Tenggara terutamanya pelabuhan di Selat Melaka <b>F6</b> – Bukti catatan China yang mengatakan bahawa telah wujud perkampungan Islam bernama Ta Shih di Sumatera Utara pada tahun 650 M. <b>F7</b> - Kebanyakan kitab agama yang dikarang dalam bahasa Melayu pada peringkat awal menggunakan bahasa / gaya penulisan oleh bahasa Arab <b>F8</b> – Kitab tempatan seperti tauhid / tafsir al-Quran / hadis didapati menggunakan bahasa Arab / sumber rujukan dari Semenanjung Tanah Arab <b>F9</b> - Wujud persamaan antara bahan penulisan / kesusasteraan di Asia Tenggara dengan yang terdapat di Semenanjung Tanah Arab	1 1 1 1 1 1 1 1 1

Soalan	Butiran	Markah
	<p><b>F10-</b> Perkataan Arab yang terdapat pada tulisan jawi telah diambil daripada bahasa Arab</p> <p><b>F11-</b> Adat resam / kebudayaan orang Melayu banyak dipengaruhi oleh budaya Arab seperti amalan menghormati tetamu /dabus /tarian zapin</p> <p><b>F12-</b> Kebanyakan karya tempatan menceritakan bahawa pengislaman raja di Asia Tenggara dilakukan oleh syeikh dari Semenanjung Tanah Arab, misalnya Hikayat Raja-raja Pasai / Hikayat Merong Mahawangsa / Hikayat Aceh / Sejarah Kepulauan Sulu</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 3 x 1</b></p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p style="text-align: right;"><b>[3m]</b></p>
2c (m.s 78 - 79, 175 – 176)	<p><b>F1</b> – Terdapat pelabuhan utama di Asia Tenggara terutamanya pelabuhan di Selat Melaka</p> <p><b>F2</b> - Pelabuhan berperanan sebagai pelabuhan pembekal / pelabuhan kerajaan / entrepot</p> <p><b>F3</b> – Tempat / pelabuhan persinggahan utama para pedagang</p> <p><b>F4</b> – Kedudukan Selat Melaka yang strategik / terletak di tengah-tengah laluan perdagangan di antara China / India</p> <p><b>F5</b> – Pelabuhan-pelabuhan menjadi tempat menunggu / tempat berlindung perubahan angin monsun untuk ke China / monsun barat daya / monsun timur laut</p> <p><b>F6</b> – Kemudahan menyimpan barang dagangan / kemudahan di pelabuhan / gudang</p> <p><b>F7</b> – Kemudahan bekalan makanan / minuman</p> <p><b>F9</b> – Kemudahan penginapan</p> <p><b>F8</b> – Kemudahan mendapatkan bekalan hasil bumi / tempatan / luar</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 2 x 1</b></p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p style="text-align: right;"><b>[2m]</b></p>
2d (m.s 176, 179 - 180)	<p><b>F1</b> – Terpaksa menunggu perubahan angin monsun untuk ke China / monsun barat daya / monsun timur laut selama beberapa bulan</p> <p><b>F2</b> – Menyediakan tapak berdagang dengan pedagang tempatan / luar</p> <p><b>F3</b> – Berfungsi sebagai tempat mengumpul barang jualan</p> <p><b>F4</b> – Berfungsi sebagai tempat membeli barang-barang mewah dari China / India</p> <p><b>F5</b> – Menjalankan perdagangan dengan pelabuhan lain di Asia Tenggara</p> <p><b>F6</b> – Pedagang / ulama Arab berbincang / berinteraksi / berdakwah dengan pemimpin / rakyat / pedagang tempatan / asing / Asia Tenggara tentang kepercayaan / agama</p> <p><b>F7</b> – Sebagai pusat kegiatan dakwah Islamiah</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 2 x 1</b></p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p style="text-align: right;"><b>[2m]</b></p>
2e (m.s 178)	<p><b>F1</b> – Bentuk bumbung masjid berbentuk bumbung pagoda</p> <p><b>F2</b> – Bahagian hujung perabung atapnya kelihatan melentik</p> <p><b>F3</b> – Pengaruh atap genting</p> <p><b>F4</b> – Penggunaan warna merah/kuning pada kepala pintu/tingkap masjid</p> <p><b>F5</b> – Jubin pada lantai</p> <p><b>F6</b> – Jubin pada dinding</p> <p><b>F7</b> – Jubin pada tangga masjid</p> <p><b>F8</b> – Wujud kolam air di masjid</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 2 x 1</b></p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p style="text-align: right;"><b>[2m]</b></p>



3 Pernyataan berikut berkaitan dengan Gerakan Islah.

Gerakan Islah turut juga dikenali sebagai gerakan Kaum Muda yang ditubuhkan bagi meningkatkan minda bangsa Melayu.

- (a) Apakah maksud Gerakan Islah? [1 markah]  
 (b) Senaraikan **dua** akhbar yang digunakan oleh Kaum Muda untuk menyebarkan idea mereka. [2 markah]  
 (c) Nyatakan **dua** usaha Kaum Muda dalam meningkatkan minda bangsa Melayu? [2 markah]  
 (d) Mengapakah gerakan Kaum Muda hanya tertumpu di Negeri-negeri Selat sahaja? [2 markah]  
 (e) Sebagai seorang pemimpin, bagaimanakah anda dapat memajukan minda bangsa Malaysia? [3 markah]

Soalan	Butiran	Markah
3a (ms. 49)	<b>F1</b> - Gerakan yang berusaha mendorong masyarakat Melayu <b>F2</b> - Membetulkan pandangan terhadap Islam <b>F3</b> - Menjana ajaran Islam dari sudut kemajuan dunia <b>Mana-mana 1 x 1</b>	1 1 1 <b>[1m]</b>
3b (ms. 49)	<b>F1</b> - al-Imam <b>F2</b> - Neracha <b>F3</b> - Idaran Zaman <b>F4</b> - Pengasuh <b>Mana-mana 2 x 1</b>	1 1 1 1 <b>[2m]</b>
3c (ms. 49 – 50)	<b>F1</b> - Menyampaikan idea mereka <b>F2</b> - Menjana ajaran Islam dari sudut kemajuan dunia <b>F3</b> - Menggesa memajukan ekonomi/pendidikan/ politik/ sosial orang Melayu <b>F4</b> - Menyemat sikap mengkritik penjajah dalam fikiran orang Islam <b>F5</b> - Mengkritik raja /pembesar Melayu yang tidak berperanan dalam memajukan orang Melayu <b>F6</b> - Menubuhkan madrasah. <b>F7</b> - Menekan pendidikan Islam yang meliputi pendidikan dunia / akhirat <b>F8</b> - Memberi peluang kepada kaum perempuan mendapatkan pendidikan <b>Mana-mana 2 x 1</b>	1 1 1 1 1 1 1 <b>[2m]</b>
3d (ms. 50)	<b>F1</b> - Tentangan daripada pihak British <b>F2</b> - Tentangan daripada Kaum Muda <b>F3</b> - Undang-undang dikeluarkan di Negeri-negeri Melayu <b>F4</b> - Kegiatan dakwah mesti mendapat kebenaran Sultan <b>F5</b> - Risalah Kaum Muda tidak dibenarkan dibawa masuk ke Negeri-negeri Melayu <b>F6</b> - Buku Kaum Muda tidak dibenarkan dibawa masuk ke Negeri-negeri Melayu <b>Mana-mana 2 x 1</b>	1 1 1 1 1 1 <b>[2m]</b>

Soalan	Butiran	Markah
3e (m.s 49-50, 60)	<b>F1</b> - Menekankan kemajuan dari sudut dunia /akhirat	1
	<b>F2</b> - Memajukan ekonomi / pendidikan / politik / sosial	1
	<b>F3</b> - Bersama-sama berperanan dalam memajukan bangsa	1
	<b>F4</b> - Semua individu berhak mendapat peluang pendidikan	1
	<b>F5</b> - Mempunyai sikap positif untuk membangunkan bangsa	1
	<b>F6</b> - Mendirikan pusat keilmuan / madrasah / sekolah / institusi pengajian tinggi	1
	<b>F7</b> - Berfikiran kritis / kreatif / inovatif dalam memajukan bangsa	1
	<b>F8</b> - Meningkatkan ilmu pengetahuan	1
	<b>F9</b> - Mempersiapkan diri dengan kemahiran	1
	<b>F10</b> - Meningkatkan disiplin diri	1
	<b>F11</b> - Sentiasa mengamalkan sahsiah yang baik	1
	<b>F12</b> - Memanfaatkan usaha kerajaan dalam mengembangkan ilmu pengetahuan	1
	<b>F13</b> - Melibatkan diri dalam aktiviti pembangunan minda / ketrampilan diri	1
	<b>F14</b> - Menjauhi diri daripada gejala negatif	1
	<b>F15</b> - Mematuhi ajaran agama	1
	<b>F16</b> - Memelihara jati diri	1
	<b>F17</b> - Mengamalkan gaya hidup sihat	1
	<b>F18</b> - Menyemai semangat nasionalisme	1
	<b>F19</b> - Mengekalkan tradisi / budaya bangsa	1
	<b>M - (Mana-mana jawapan yang munasabah)</b>	
	<b>Mana-mana 3 x 1</b>	<b>[3m]</b>

4 Dasar pembangunan sosial penting dalam pembangunan dan perpaduan negara Malaysia.

- (a) Sebutkan  **satu**  dasar pembangunan sosial yang dilaksanakan oleh kerajaan. [1 markah]
- (b) Pada pendapat anda, mengapakah Falsafah Pendidikan Kebangsaan penting kepada generasi pelajar masa kini? [2 markah]
- (c) Senaraikan  **dua**  usaha kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan [2 markah]
- (d) Nyatakan  **dua**  matlamat aktiviti sukan dan kokurikulum di sekolah. [2 markah]
- (e) Jelaskan peranan generasi muda hari ini dalam merealisasikan *Gagasan Satu Malaysia*. [3 markah]

Soalan	Butiran	Markah
4a (m.s 210, 212, 216 - 218)	<b>F1</b> – Rukun Negara	1
	<b>F2</b> – Dasar Pendidikan Kebangsaan	1
	<b>F3</b> – Akta Bahasa Kebangsaan	1
	<b>F4</b> - Dasar Kebudayaan Kebangsaan	1
	<b>F5</b> – Sukan Untuk Perpaduan	1
	<b>Mana-mana 1 x 1</b>	<b>[1 m]</b>



Soalan	Butiran	Markah
4d (m.s 218)	<b>F1</b> - Sukan / kokurikulum sebagai alat perpaduan tanpa mengira ideologi	1
	<b>F2</b> - Dapat menyemarakkan semangat patriotik / cintakan negara dalam kalangan rakyat	1
	<b>F3</b> - Aktiviti sukan / kokurikulum tidak menghadkan penyertaan kepada sesuatu kaum sahaja / semua kaum terlibat	1
	<b>F4</b> - Membuka peluang seluas-luasnya bagi mereka yang berminat	1
	<b>F5</b> - Di peringkat sekolah, sukan merupakan aktiviti kokurikulum yang sangat digalakkan	1
	<b>F6</b> - Majlis Sukan Sekolah-Sekolah telah ditubuhkan pada peringkat daerah / negeri / kebangsaan untuk menggalakkan aktiviti sukan	1
	<b>F7</b> - Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) diadakan dua tahun sekali	1
	<b>F8</b> - Memainkan peranan untuk mengeratkan perpaduan antara kaum	1
	<b>F9</b> - Mengeratkan perpaduan antara negeri	1
	<b>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</b>	
	<b>Mana-mana 2 x 1</b>	<b>[2 m]</b>
4e (m.s 210-218)	<b>F1</b> - Mementingkan perpaduan	1
	<b>F2</b> - Mengamalkan prinsip – prinsip Rukun Negara	1
	<b>F3</b> - Mengamalkan dasar Pendidikan Kebangsaan	1
	<b>F4</b> - Menghayati Falsafah Pendidikan Kebangsaan	1
	<b>F5</b> - Merealisasikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan / rasmi	1
	<b>F6</b> - Mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu	1
	<b>F7</b> - Merealisasikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua sekolah kebangsaan / sekolah menengah	1
	<b>F8</b> - Bahasa Melayu melambangkan identiti bangsa Malaysia	1
	<b>F9</b> - Mengamalkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan	1
	<b>F10</b> -Menghormati unsur-unsur kebudayaan / adat resam pelbagai kaum	1
	<b>F11</b> -Merealisasikan sukan / kokurikulum sebagai alat perpaduan	1
	<b>F12</b> -Menyemarakkan semangat patriotisme melalui sukan / kokurikulum	1
	<b>F13</b> -Menghormati kebebasan beragama / kepercayaan	1
	<b>F14</b> -Mengamalkan / mengukuhkan tuntutan / pegangan agama	1
	<b>F15</b> -Sentiasa mengamalkan sahsiah yang baik	1
	<b>F16</b> -Meningkatkan disiplin diri	1
	<b>F17</b> -Melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti sosial yang sifat	1
	<b>F18</b> -Menghindari budaya negatif	1
	<b>F19</b> -Memelihara jati diri	1
	<b>F20</b> -Meningkatkan semangat nasionalisme	1
	<b>F21</b> -Menghormati / mentaati pemimpin	1
	<b>F22</b> -Memartabatkan sekolah kebangsaan	1
	<b>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</b>	
	<b>Mana-mana 3 x 1 m</b>	<b>[3 m]</b>

## Bahagian B

5 Pembukaan semula kota Makkah oleh Nabi Muhammad S.A.W merupakan kemuncak kepada kejayaan dakwah baginda nabi sebagai Rasul.

(a) Jelaskan sebab-sebab yang membawa kepada pembukaan semula kota Makkah.

[4 markah]

	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
<b>F1</b>	Kota Makkah ialah tempat kelahiran Nabi Muhammad s.a.w	1
<b>F2</b>	Merupakan tempat lahirnya agama Islam / wahyu / al-Quran	1
<b>F3</b>	Tempat letaknya kaabah	1
<b>F4</b>	Pusat ibadat orang Islam / umrah / haji	1
<b>F4</b>	Tempat asal orang Muhajirin / orang Islam Makkah	1
<b>F5</b>	Orang Quraisy melanggar perjanjian Hudaibiyah	1
<b>H5a</b>	Syarat gencatan senjata selama 10 tahun telah dicabuli oleh Quraisy	1
<b>H5b</b>	Orang Quraisy tidak menghormati hak kebebasan yang telah dipersetujui	1
<b>H5c</b>	Orang Quraisy telah membunuh beberapa orang Bani Khuzaah yang berpihak kepada Islam	1
<b>F6</b>	Pembukaan kota Makkah merupakan strategi jangka panjang menyebarkan Islam	1
<b>H6a</b>	Kedudukan Kerajaan Islam Madinah akan menjadi lebih mantap	1
	<b>ms. 132</b>	<b>Mana-mana 4 x 1</b>
		<b>[4 m]</b>

(b) Apakah faktor-faktor yang mendorong kejayaan pembukaan semula kota Makkah dapat dilakukan secara aman.

[7 markah]

	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
<b>F1</b>	Baginda merancang memasuki kota Makkah secara bijak	1
<b>F2</b>	Berpegang kepada prinsip aman tanpa kekerasan	1
<b>F3</b>	Pengislaman bapa saudara Nabi al- Abbas	1
<b>F4</b>	Pengislaman Ketua Arab Quraisy Abu Sufian	1
<b>F5</b>	Orang Quraisy takut dengan kekuatan tentera Islam	1
<b>F6</b>	Orang Quraisy menyedari kepalsuan perjuangan mereka	1
<b>F7</b>	Nabi menyediakan empat pasukan tentera	1
<b>F8</b>	Terdiri dari 10000 orang	1
<b>F9</b>	Dipimpin oleh Khalid bin Al-Walid/ Abu Ubaidah Al-Jarrah/ Saad bin Ubadah / Zubair bin al-awwam	1
<b>F10</b>	Tentera Islam memasuki Makkah melalui empat arah	1
<b>H10a</b>	Arah utara / selatan / barat / barat daya Makkah	1
<b>H10b</b>	Membuat kepungan rapi terhadap Quraisy	1
<b>F11</b>	Jaminan keselamatan kepada mereka yang terkepung juga membawa kejayaan	1
<b>F12</b>	Semangat ketakwaan tentera Islam	1
<b>F13</b>	Sifat Nabi Muhammad s.a.w yang pemaaf	1
<b>H13a</b>	Tidak membalas dendam ditonjolkan merupakan faktor Islam dapat disebarkan	1
	<b>ms. 132</b>	<b>Mana-mana 7 x 1</b>
		<b>[7 m]</b>

- (c) Kejayaan pembukaan semula kota Makkah menjadi peristiwa penting dalam sejarah perkembangan Islam.
- (i) Huraikan kesan-kesan peristiwa pembukaan semula kota Makkah

[ 5 markah ]

	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
<b>F1</b>	Nabi Muhammad s.a.w bertawaf sebanyak 7 kali mengelilingi kaabah	1
<b>F2</b>	Baginda dapat berpidato / khutbah kepada umat Islam	1
<b>H2a</b>	Dengan membaca ayat al-Quran	1
<b>F3</b>	Kaabah terpelihara daripada unsur-unsur jahiliah	1
<b>F4</b>	Agama menyembah berhala dihapuskan selama-lamanya	1
<b>H4a</b>	Digantikan dengan agama Islam	1
<b>F5</b>	Umat Islam mula mendalami ilmu pengetahuan Islam	1
<b>F6</b>	Kota Makkah dijadikan kota suci umat Islam	1
<b>F7</b>	Kaabah menjadi tumpuan umat Islam seluruh dunia	1
<b>H7a</b>	Untuk beribadat	1
<b>F8</b>	Membuktikan kekuatan kerajaan Islam Madinah di bawah pimpinan Nabi Muhammad s.a.w	1
<b>F9</b>	Membuka jalan kepada penyebaran Islam ke seluruh Tanah Arab	1
<b>H8a</b>	Secara aman / sukarela / tanpa paksaan	1
<b>F10</b>	Membolehkan sebuah lagi pusat pemerintahan Islam yang kuat diwujudkan	1
<b>H10a</b>	Madinah dikekalkan sebagai pusat pentadbiran Islam	1
<b>H10b</b>	Makkah dijadikan wilayah Islam	1
<b>F11</b>	Islam dapat dipraktikkan dalam kehidupan harian secara menyeluruh	1
<b>H11a</b>	Menjadi titik tolak pemerintahan Islam seterusnya	1
	<b>ms. 135 - 137</b>	<b>Mana-mana 5 x 1</b>
		<b>[5 m]</b>

- (ii) Sebagai generasi muda hari ini, apakah sifat-sifat kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w yang boleh kita contohi dalam peristiwa pembukaan kota Makkah?

[4 markah]

	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Tidak terburu-buru dalam melakukan tindakan	1
F2	Melihat sesuatu secara menyeluruh	1
F3	Sentiasa menekankan perpaduan	1
F4	Bersifat baik sangka	1
F5	Sentiasa membantu demi mewujudkan/mengekalkan perpaduan	1
F6	Sifat pemaaf	1
F7	Tidak berdendam	1
F8	Sifat kesabaran	1
F9	Kebijaksanaan/ fatanah	1
F10	Berprinsip	1
F11	Menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan	1
F11	Berwawasan	1
F13	Berjiwa besar	1
F14	Tidak pernah menyerah kalah	1
F15	Akhlak yang terpuji	1
	<b>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</b>	
	<b>ms. 135 - 137</b>	<b>Mana-mana 4 x 1</b>
		<b>[4 m]</b>

6 Masyarakat berbilang kaum di Tanah Melayu telah wujud mulai awal abad ke-19 hingga awal abad ke-20.

(a) Jelaskan tentang pembentukan masyarakat berbilang kaum di Tanah Melayu. [6 markah]

	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
<b>F1</b>	Kepesatan pembangunan sektor pertanian / perlombongan menyebabkan berlakunya masalah kekurangan tenaga buruh	1
<b>F2</b>	Pihak British membawa masuk tenaga buruh dari luar untuk bekerja dalam sektor pertanian / perlombongan	1
<b>H2a</b>	Buruh dari India dibawa masuk secara beramai-ramai untuk bekerja di ladang getah	1
<b>H2b</b>	Tenaga buruh dari China pula dibawa masuk untuk bekerja di lombong bijih timah	1
<b>F3</b>	Dasar / polisi / galakan penjajah British agar buruh China / India berhijrah ke Tanah Melayu	1
<b>F4</b>	Penghijrahan mereka juga tidak pernah ditentang oleh orang Melayu	1
<b>F5</b>	Kedatangan buruh dari China secara besar-besaran bermula sejak awal abad ke-19	1
<b>H5a</b>	Kebanyakan buruh dari China yang datang ke Tanah Melayu berasal dari wilayah selatan China seperti Kwangtung / Kwangsai / Fukein	1
<b>H5b</b>	Imigran di Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah bertambah dua kali ganda iaitu daripada 163,000 orang pada tahun 1891 kepada 300,000 orang pada tahun 1901	1
<b>H5c</b>	Di Negeri-negeri Selat, untuk tempoh yang sama jumlah imigran China juga turut meningkat, iaitu daripada 228,000 orang kepada 282,000 orang	1
<b>F6</b>	Wujud hubungan tradisi antara Tanah Melayu dengan India / China telah mendorong mereka berhijrah ke Tanah Melayu	1
<b>F7</b>	Kemakmuran Tanah Melayu dari segi ekonomi	1
<b>H7a</b>	Membuka peluang pekerjaan kepada kaum imigran	1
<b>F8</b>	Kekayaan sumber alam menarik minat kaum imigran	1
<b>F9</b>	Kestabilan politik	1
<b>H9a</b>	Menarik minat lebih ramai kaum imigran dari China / India	1
<b>F10</b>	Wujudnya petempatan rakyat berbeza-beza mengikut kaum	1
<b>F11</b>	Perbezaan kaum mengikut fungsi ekonomi	1
<b>H11a</b>	Orang Melayu yang bertani / tinggal di kawasan luar bandar	1
<b>H11b</b>	Buruh dari India yang kebanyakannya penoreh getah / tinggal di kawasan estet	1
<b>H11c</b>	Imigran / buruh dari China yang berniaga / bekerja di lombong / tinggal di kawasan bandar	1
<b>F12</b>	Bahasa pertuturan yang berbeza antara satu sama lain	1
<b>F13</b>	Tidak terdapat kesepaduan / perpaduan antara kaum	1
<b>F14</b>	Tidak terdapat interaksi antara kaum	1
	<b>ms. 252, 253, 264</b>	<b>Mana-mana 6 x 1</b>
		<b>[6 m]</b>

- (b) Terangkan ciri-ciri sistem pendidikan vernakular semasa zaman penjajahan British. [10 markah]

	Butiran	Markah
<b>F1</b>	Menggunakan bahasa ibunda kaum masing-masing sebagai bahasa pengantar	1
<b>F2</b>	Murid-murid daripada pelbagai kaum telah dipisahkan	1
<b>F3</b>	Mereka tidak melalui sistem pendidikan yang sama	1
<b>F4</b>	<b>Sekolah pondok</b>	1
<b>H4a</b>	Berorientasikan agama Islam	1
<b>H4b</b>	Tidak terbela / tidak dipertingkatkan	1
<b>F5</b>	<b>Sekolah vernakular Melayu</b>	1
<b>H5a</b>	Hanya pada peringkat sekolah rendah	1
<b>H5b</b>	Murid perempuan juga diberi peluang pendidikan / Sekolah Melayu untuk murid perempuan dibina di Negeri-negeri Selat pada tahun 1885	1
<b>H5c</b>	Kurikulum yang disediakan terbatas	1
<b>H5d</b>	Bersesuaian dengan cita-cita British menjadikan anak Melayu sebagai petani yang lebih baik daripada bapanya	1
<b>H5e</b>	Ditubuhkan sekolah khusus untuk golongan elit, iaitu Kolej Melayu Kuala Kangsar (1905)	1
<b>F6</b>	<b>Sekolah vernakular Tamil</b>	1
<b>H6a</b>	Disediakan oleh kerajaan British di kawasan bandar	1
<b>H6b</b>	Pihak pengurusan ladang membiayai sekolah Tamil di kawasan ladang	1
<b>H6c</b>	Berorientasikan sistem pendidikan di negara India	1
<b>H6d</b>	Menggunakan sukatan pelajaran dari India	1
<b>H6e</b>	Menggunakan buku dari India	1
<b>H6f</b>	Menggunakan tenaga pengajar dari India	1
<b>H6g</b>	Menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar	1
	Butiran	Markah
<b>F7</b>	<b>Sekolah vernakular Cina</b>	1
<b>H7a</b>	Dibiayai oleh saudagar dari China	1
<b>H7b</b>	Mereka menggunakan dialek masing-masing sebagai bahasa perantaraan	1
<b>H7c</b>	Menggunakan guru dari China	1
<b>H7d</b>	Menggunakan buku dari China	1
<b>H7e</b>	Menggunakan sukatan pelajaran dari China	1
<b>F8</b>	<b>Sekolah vernakular Inggeris</b>	1
<b>H8a</b>	Tidak dilaksanakan sepenuhnya hingga ke peringkat tinggi / universiti	1
<b>H8b</b>	Usaha mubaligh Kristian / badan sukarela	1
<b>H8c</b>	Sekolah Inggeris dianggap sebagai sekolah elit	1
<b>H8d</b>	Lokasinya di bandar sahaja	1
<b>H8e</b>	Pelajarnya terdiri daripada kalangan orang atasan	1
<b>H8f</b>	Kurikulum berasaskan sistem pendidikan di England	1
<b>H8g</b>	Sekolah aliran Inggeris mula ditubuhkan di Negeri-negeri Selat	1
	<b>ms. 265- 266</b>	<b>Mana-mana 10 x 1</b>
		<b>[10 m]</b>



- (c) Sebagai masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia, bagaimanakah anda berusaha mengisi kemerdekaan negara? [4 markah]

	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
<b>F1</b>	Bersama-sama berganding bahu memajukan negara	1
<b>F2</b>	Berusaha / gigih demi masa depan negara	1
<b>F3</b>	Menekankan kemajuan dari sudut dunia /akhirat	1
<b>F4</b>	Memajukan ekonomi / pendidikan / politik / sosial	1
<b>F5</b>	Menjadi modal insan terbilang / memiliki personaliti unggul	1
<b>F6</b>	Mendapatkan pendidikan berkualiti / berprestasi tinggi	1
<b>F7</b>	Mempunyai sikap positif untuk membangunkan bangsa	1
<b>F8</b>	Berfikiran kritis / kreatif dalam memajukan bangsa	1
<b>F9</b>	Mencipta inovasi / nilai baru	1
<b>F10</b>	Mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran	1
<b>F11</b>	Meningkatkan disiplin diri	1
<b>F12</b>	Sentiasa mengamalkan sahsiah yang baik	1
<b>F13</b>	Memanfaatkan usaha kerajaan dalam mengembangkan ilmu pengetahuan	1
<b>F14</b>	Melibatkan diri dalam aktiviti pembangunan minda / ketrampilan diri	1
<b>F15</b>	Menjauhi diri daripada gejala negatif	1
<b>F16</b>	Mematuhi ajaran agama	1
<b>F17</b>	Memelihara jati diri	1
<b>F18</b>	Mengamalkan gaya hidup sihat	1
<b>F19</b>	Menyemai semangat nasionalisme	1
<b>F20</b>	Mengekalkan tradisi / budaya bangsa	1
<b>F21</b>	Mengamalkan kontrak sosial	1
<b>F22</b>	Mengamalkan perkongsian kuasa / kerjasama politik	1
<b>F23</b>	Mengekalkan keharmonian kaum	1
<b>F24</b>	Setiap kaum berusaha melahirkan identiti masyarakat yang merdeka	1
<b>F25</b>	Perbezaan warna kulit / agama / bahasa / bangsa diketepikan	1
<b>F26</b>	Permuafakatan dalam membuat keputusan	1
<b>F27</b>	Bertoleransi dalam kalangan masyarakat	1
<b>F28</b>	Mengutamakan keamanan / persefahaman	1
<b>F29</b>	Mengekalkan perpaduan / Gagasan Satu Malaysia	1
<b>M</b>	<b>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</b>	1
	<b>ms. 270</b>	<b>Mana-mana 4 x 1</b>
		<b>[4 m]</b>

7 Ciri-ciri negara dan bangsa Malaysia telah diasaskan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka dan diwarisi oleh negeri-negeri Melayu.

(a) Jelaskan ciri-ciri negara bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka [8 markah]

	Butiran	Markah
<b>F1</b>	<b>Wilayah pengaruh</b>	1
<b>H1a</b>	Empayarnya meliputi keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu / Timur Sumatera	1
<b>H1b</b>	Sempadannya tidak ditetapkan seperti sempadan negara moden	1
<b>F2</b>	<b>Kedaulatan</b>	1
<b>H2a</b>	Merujuk kepada raja yang memerintah	1
<b>H2b</b>	Raja memerintah mewakili negeri / kawasan pemerintahan	1
<b>F3</b>	<b>Lambang – lambang</b>	1
<b>H3a</b>	Merupakan simbol / tanda yang menjadi identiti sesebuah negara.	1
<b>H3b</b>	Sistem pemerintahan beraja	1
<b>H3c</b>	Adat istiadat Melayu	1
<b>H3d</b>	Bahasa Melayu	1
<b>H3e</b>	Agama Islam.	1
<b>H3f</b>	Kebesaran sultan dilambangkan dengan alat regalia /nobat / warna / bahasa, undang-undang / protokol / adat istiadat istana	1
<b>F4</b>	<b>Keunggulan undang-undang</b>	1
<b>H4a</b>	Terdapat undang-undang bertulis	1
	Dipengaruhi adat tempatan dan agama Islam	1
<b>H4b</b>	Hukum Kanun Melaka	1
<b>H4c</b>	Hukum Kanun Melaka mengandungi 44 fasal	1
<b>H4d</b>	Meliputi bidang kuasa raja	1
<b>H4e</b>	Meliputi bidang kuasa pembesar	1
<b>H4f</b>	Pantang larang dalam kalangan anggota masyarakat	1
<b>H4g</b>	Hukuman terhadap kesalahan jenayah / jenayah awam	1
<b>H4h</b>	Undang-undang keluarga	1
<b>H4i</b>	Permasalahan ibadah	1
<b>H4j</b>	Jenis-jenis hukuman terhadap kesalahan tertentu	1
<b>H4k</b>	Undang-undang Laut Melaka	1
<b>H4l</b>	Mengandungi tatacara / atur cara pelayaran di laut	1
<b>H4m</b>	Nakhoda / kapten kapal diertikan sebagai imam	1
<b>H4n</b>	Anak buah kapal sebagai makmum	1
<b>H4o</b>	Tanggungjawab mengawal kapal	1
<b>H4p</b>	Peniagaan / bidang kuasa nakhoda kapal	1
<b>H4q</b>	Hukuman kesalahan jenayah di laut	1
<b>F5</b>	<b>Rakyat</b>	1
<b>H5a</b>	Bertanggungjawab mentaati / setia kepada raja yang memerintah	1
<b>H5b</b>	Bukti ketaatan kepada raja ialah rakyat mempertahankan negara	1
<b>H5c</b>	Menghadiri adat istiadat kerajaan	1
<b>H5d</b>	Mengadakan gotong-royong	1
<b>H5e</b>	Kerahan tenaga / buruh / tentera	1
<b>F6</b>	<b>Kerajaan</b>	1
<b>H6a</b>	Raja / Sultan merupakan pemerintah tertinggi	1

	Butiran	Markah
H6b	Sultan / Raja dibantu oleh Bendahara / Penghulu Bendahari/Temenggung/ Laksamana / Pembesar Berempat	1
H6c	Dibantu oleh sistem Pembesar Empat Lipatan	1
H6d	Menjadi tonggak institusi kerajaan.	1
H6e	Diberi portfolio tertentu	1
H6f	iaitu di istana / darat / laut / di sekitar Melaka / jajahan takluk Melaka	1
H6g	Menjamin kesentosaan sistem pemerintahan beraja	1
	<b>ms. 200 (Tg. 4) ,75 – 78 (Tg. 5)</b>	<b>Mana-mana 8 x 1</b>
		<b>[8 m]</b>

- (b) Terangkan unsur-unsur warisan Kesultanan Melayu Melaka yang diamalkan negeri-negeri Melayu. [8 markah]

	Butiran	Markah
F1	Negeri-negeri Melayu mewarisi sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka	1
H1a	Selain itu negeri-negeri ini mewarisi adat istiadat Melayu	1
H1b	Mewarisi agama Islam	1
H1c	Mewarisi bahasa Melayu	1
H1d	Contoh Johor / Perak / Pahang	1
F2	Gelaran Sultan digunakan pada awal nama masing-masing mencontohi Sultan Melaka.	1
F3	Sistem pewarisan takhta mementingkan jurai keturunan sebelah bapa	1
H3a	Putera sulung sultan hasil perkahwinan dengan permaisurinya / anak gahara berpeluang mewarisi takhta kerajaan	1
H3b	Atau adik lelaki sultan boleh menjadi sultan sekiranya tidak mempunyai putera.	1
F4	Sistem Pembesar Empat Lipatan diamalkan di negeri-negeri Melayu	1
H4a	Perbezaan hanya pada gelaran pembesarnya.	1
H4b	Perbezaan disebabkan perubahan semasa	1
H4c	Perbezaan disebabkan penyesuaian dengan keadaan tempatan	1
F5	Warisan Kesultanan Melayu Melaka dapat dilihat dalam kitab undang-undang	1
H5a	Contoh kitab undang-undang Johor / Perak (Undang 99 Perak) / Pahang	1
H5b	Undang-undang itu disalin / dipinda berdasarkan Hukum Kanun Melaka.	1
H5c	Untuk disesuaikan dengan unsur tempatan	1
H5d	Sultan Abdul Ghaffur Muhyuddin / Sultan Abdul Ghapur Muhaiyuddin Syah menyusun Undang-undang Pahang berdasarkan Hukum Kanun Melaka.	1
	<b>ms. 80</b>	<b>Mana-mana 8 x 1</b>
		<b>[8 m]</b>

- (c) Sebagai warganegara Malaysia, apakah usaha anda untuk memperkukuhkan sebuah negara bangsa yang berdaulat? [4 markah]

	Butiran	Markah
F1	Mengamalkan sikap toleransi / tolak ansur	1
F2	Mengamalkan sikap kesederhanaan	1
F3	Sanggup berkongsi secara bijak dalam politik / ekonomi / sosial	1
F4	Memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum	1
F5	Menyokong dasar –dasar kerajaan	1
F5	Saling hormat menghormati	1
F6	Memupuk rasa / sikap cinta akan negara	1
F7	Menghormati institusi kesultanan	1
F8	Menyanjung tinggi konsep Satu Malaysia	1
M	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	
	<b>ms. 90</b>	<b>Mana-mana 4 x 1</b>
		<b>[4 m]</b>

- 8 Malaysia ialah salah sebuah negara demokrasi berparlimen yang mengamalkan konsep pengasingan kuasa dan Raja Berpelembagaan sejak merdeka hingga kini.

(a) Terangkan tentang perkara berikut :

(i) Perlantikan Yang di-Pertuan Agong

[2 markah]

	Butiran	Markah
F1	Pemilihan Yang di-Pertuan Agong mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia	1
F2	Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sejak tahun 1957	1
H2a	Yang di-Pertuan Agong Pertama ialah Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman ibni Al-marhum Tuanku Muhammad / 3 Ogos 1957 – 1 April 1960 / Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan	1
H2b	Contoh mana- mana Yang di-Pertuan Agong yang ke-2 hingga ke-11	1
F3	Yang di-Pertuan Agong dipilih daripada kalangan sembilan orang Raja Melayu / sembilan buah Negeri Melayu	1
F4	Pelantikan Yang di-Pertuan Agong secara bergilir-gilir	1
H4a	Pemilihan dilakukan lima tahun sekali	1
H4b	Oleh Majlis Raja-raja	1
F5	Disempurnakan melalui upacara pertabalan	1
H5a	Diadakan di Istana Negara, Kuala Lumpur	1
H5b	Baginda perlu bersemayam di Istana Negara	1
F6	Pelantikan Yang di-Pertuan Agong merupakan tonggak negara	1
F7	Sebagai Ketua Utama Negara	1
F8	Sebagai simbol keutuhan	1
F9	Sebagai simbol perpaduan rakyat di negara ini	1
	<b>ms. 167 – 170</b>	<b>Mana-mana 2 x 1</b>
		<b>[2 m]</b>

(ii) Bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong mengikut Perlembagaan Malaysia

[8 markah]

	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
<b>F1</b>	Bertindak berdasarkan Perlembagaan Malaysia	1
<b>F2</b>	Menerima nasihat Perdana Menteri	1
<b>F3</b>	Tidak boleh bertindak sendirian	1
<b>H3a</b>	Kecuali dalam perkara tertentu yang memerlukan budi bicara baginda untuk membuat keputusan	1
<b>F4</b>	Baginda sebagai ketua negara	1
<b>H4a</b>	Mengetuai tiga badan kerajaan	1
<b>H4b</b>	Contoh Badan Perundangan (Legislatif) / Badan Pemerintahan (Eksekutif) / Badan Kehakiman (Judisiari)	1
<b>F5</b>	Satu daripada tiga unsur Parlimen	1
<b>F6</b>	Kuasa memanggil Parlimen	1
<b>F7</b>	Kuasa membubarkan Parlimen	1
<b>F8</b>	Ketua Tertinggi Angkatan Bersenjata	1
<b>H8a</b>	Mengampunkan kesalahan yang dibicarakan oleh Mahkamah Tentera	1
<b>H8b</b>	Menangguhkan sesuatu hukuman terhadap kesalahan yang dibicarakan oleh Mahkamah Tentera	1
<b>F9</b>	Menjaga / memelihara kedudukan / hak istimewa orang Melayu	1
<b>F10</b>	Menitahkan Majlis Raja-raja Melayu mengadakan mesyuarat	1
<b>H10a</b>	Membincangkan keistimewaan / kedudukan / kehormatan / kemuliaan Raja-raja Melayu	1
<b>F11</b>	Ketua agama Islam	1
<b>H11a</b>	Bagi negeri baginda sendiri / Pulau Pinang / Melaka / Wilayah Persekutuan / Sarawak / Sabah	1
<b>F12</b>	Kuasa budi bicara untuk melantik Perdana Menteri	1
<b>F13</b>	Kuasa melantik jawatan Jemaah Menteri / Timbalan Menteri	1
<b>F14</b>	Kuasa melucutkan jawatan Jemaah Menteri / Timbalan Menteri	1
<b>H14a</b>	Setelah mendapat nasihat Perdana Menteri	1
<b>F15</b>	Mengisytiharkan undang-undang darurat di bawah 'Undang-undang X'	1
<b>H15a</b>	Jika mendapati keselamatan negara terancam	1
<b>F16</b>	Melantik Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya / tiga ahli Suruhanjaya Pilihanraya	1
<b>F17</b>	Melantik ahli Perkhidmatan Kehakiman	1
<b>F18</b>	Melantik Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam / Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	1
<b>F19</b>	Melantik Peguam Negara	1
<b>F20</b>	Melantik seorang Ketua Audit Negara bagi Persekutuan	1
<b>F21</b>	Kuasa tertinggi untuk mentauliahkan duta-duta negara kita	1
	<b>ms. 167 – 168</b>	<b>Mana-mana 8 x 1</b>
		<b>[8 m]</b>


(b) Huraikan ciri-ciri Dewan Negara dan Dewan Rakyat. [6 markah]

	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
<b>F1</b>	<b>Dewan Negara</b> juga dikenali sebagai Senat	1
<b>H1a</b>	Dewan tertinggi dalam sistem pemerintahan negara	1
<b>H1b</b>	Mengandungi 69 orang ahli	1
<b>H1c</b>	Digelar Senator	1
<b>H1d</b>	Mewakili setiap negeri di Malaysia	1
<b>H1e</b>	Mereka dilantik tanpa melalui pertandingan dalam pilihan raya	1
<b>H1f</b>	Seseorang senator memegang jawatan bagi tempoh tiga tahun	1
<b>H1g</b>	Senator mestilah berumur sekurang-kurangnya 30 tahun	1
<b>H1h</b>	Taraf Senator sama dengan Ahli Parlimen	1
<b>H1i</b>	Mereka boleh menjadi ahli Jemaah Menteri	1
<b>H1j</b>	Keahlian Dewan Negara dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong	1
<b>H1k</b>	Ahlinya terdiri daripada individu yang telah memberikan sumbangan cemerlang	1
<b>H1l</b>	Dalam perkhidmatan awam / bidang professional / bidang tertentu seperti perniagaan / perusahaan/ pertanian / kesenian / kebajikan	1
<b>H1m</b>	Mewakili sesuatu kumpulan minoriti	1
<b>H1n</b>	Seperti Orang Asli	1
<b>H1o</b>	26 orang ahli dipilih daripada 13 buah negeri / 2 orang setiap negeri	1
<b>H1p</b>	Ahli ini dipilih oleh Dewan Undangan Negeri daripada bukan kalangan ahli DUN	1
<b>H1q</b>	Dua orang ahli dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong mewakili Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	1
<b>H1r</b>	Seorang lagi mewakili Wilayah Persekutuan Labuan	1
<b>H1s</b>	40 orang ahli dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong yang terdiri daripada individu yang telah berjasa / cemerlang dalam bidang profesional	1
<b>F1t</b>	Dewan Negara merupakan salah satu daripada komponen Parlimen	1
<b>F2</b>	<b>Dewan Rakyat</b> merupakan salah satu daripada komponen Parlimen	1
<b>H2a</b>	Dewan Rakyat merupakan dewan terpenting	1
<b>H2b</b>	Ahlinya dipilih oleh rakyat	1
<b>H2c</b>	Melalui pilihan raya umum	1
<b>H2d</b>	Melalui pilihan raya kecil	1
<b>H2e</b>	Dewan rakyat mengandungi 219 orang ahli (pilihan raya ke-11 / 2004) / 222 orang ahli (pilihan raya ke-12 / 2008)	1
<b>H2f</b>	Mewakili semua kawasan pilihan raya di seluruh negara	1
<b>H2g</b>	Tempoh jawatan bagi anggota ahli Dewan Rakyat ialah lima tahun	1
	<b>ms. 172 – 173</b>	<b>Mana-mana 6 x 1</b>
		<b>[6 m]</b>

(c) Berikan **empat** kepentingan pengagihan kuasa pentadbiran. [4 markah]

	Butiran	Markah
<b>F1</b>	Membolehkan kerajaan Persekutuan / Kerajaan Negeri menjalankan tugas	1
<b>H1a</b>	Mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia	1
<b>F2</b>	Persekutuan menyatupadukan pelbagai wilayah	1
<b>H2a</b>	Yang dahulunya wujud berasingan	1
<b>F3</b>	Membentuk hubungan baik	1
<b>H3a</b>	Antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri	1
<b>H3b</b>	Membentuk Kerajaan Persekutuan yang stabil	1
<b>H3c</b>	Membentuk Kerajaan Persekutuan yang berwibawa	1
<b>H3d</b>	Membantu mengurangkan perbalahan antara etnik	1
<b>F4</b>	Untuk menjamin keharmonian	1
<b>F5</b>	Membolehkan pemimpin / rakyat mengekalkan toleransi untuk kepentingan bersama	1
<b>M</b>	( <b>Mana-mana jawapan yang munasabah</b> )	
	<b>ms. 184 – 185</b>	<b>Mana-mana 4 x 1</b>
		<b>[4 m]</b>

9 Rajah berikut berkaitan konflik antarabangsa yang berlaku pada abad ke-20.



(a) Terangkan faktor yang membawa kepada teretusnya Perang Dunia Pertama. [8 markah]

	Butiran	Markah
<b>F1</b>	Kemunculan nasionalisme	1
<b>F2</b>	Pada penghujung abad ke-19, negara-negara kecil di Eropah bersatu	1
<b>H2a</b>	Membentuk sebuah negara yang lebih besar	1
<b>H2b</b>	Contohnya Jerman / Itali	1
<b>F3</b>	Kedua-dua negara ini menyertai kuasa besar Eropah lain	1
<b>H3a</b>	Seperti Britain / Perancis / Austria-Hungary / Rusia	1
<b>H3b</b>	Dalam usaha mendapatkan tanah jajahan	1
<b>F4</b>	Nasionalisme yang kuat	1
<b>H4a</b>	Sanggup berperang bagi membuktikan kekuasaan masing-masing	1
<b>F5</b>	Wujud persaingan sengit berlaku dalam kalangan kuasa Eropah	1
<b>H5a</b>	Akibat Imperialisme Baru	1
<b>H5b</b>	Kuasa besar bersaing bagi membentuk lingkungan pengaruh masing-masing	1
<b>F6</b>	Kemunculan sistem pakatan negara-negara Eropah	1
<b>H6a</b>	Perikatan Kuasa Tengah / Triple Alliance dianggotai Jerman / Austria-Hungary/ Itali kemudiannya disertai oleh Turki / Bulgaria	1
<b>H6b</b>	Pakatan Bertiga terdiri daripada Britain / Perancis / Rusia kemudiannya disertai oleh Itali / Jepun	1

	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
<b>H6c</b>	Menyebabkan persaingan antara kedua-dua pakatan ini	1
<b>H6d</b>	Mengancam perimbangan kuasa dunia yang wujud pada ketika itu	1
<b>H6e</b>	Merebut peluang ekonomi	1
<b>H6f</b>	Mendapatkan bahan mentah	1
<b>H6g</b>	Memasarkan barangan siap mereka	1
<b>F7</b>	Faktor segera yang mencetuskan Perang Dunia Pertama ialah pembunuhan Archduke Franz Ferdinand, iaitu pewaris takhta Austria-Hungary	1
<b>H7a</b>	Beliau / isterinya telah dibunuh oleh seorang pengganas Serbia pada 28 Jun 1914	1
<b>F8</b>	Austria dengan sokongan Jerman telah mengisytiharkan perang terhadap Serbia pada 28 Julai 1914	1
<b>F9</b>	Serbia pula disokong oleh sekutunya Rusia / Perancis	1
<b>F10</b>	Serangan Jerman terhadap Perancis melalui negara berkecuali, iaitu Belgium telah menimbulkan kemarahan Britain	1
<b>H10a</b>	Negara Britain sememangnya bermusuhan dengan Jerman turut campur tangan dalam peperangan ini	1
<b>H10b</b>	Britain kemudiannya meminta bantuan Amerika Syarikat	1
<b>H10c</b>	Serangan Jerman terhadap kapal dagang Amerika Syarikat turut melibatkan negara tersebut dalam peperangan ini	1
	<b>ms. 229 - 231</b>	<b>Mana-mana 8 x 1</b>
		<b>[8 m]</b>

(b) Jelaskan kesan Perang Dunia Pertama ke atas tamadun manusia.

[7 markah]

	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
<b>F1</b>	Kesan politik	1
<b>H1a</b>	Perang Dunia Pertama telah menamatkan pemerintahan beraja di Eropah	1
<b>F2</b>	Telah diadakan Persidangan Damai pada bulan Jun tahun 1919	1
<b>H2a</b>	Membawa kepada pemeteraian Perjanjian Versailles	1
<b>H2b</b>	Perjanjian ini mengubah peta Eropah	1
<b>H2c</b>	Membentuk beberapa buah negara baru	1
<b>F3</b>	Pembentukan Liga Bangsa pada tahun 1919	1
<b>H3a</b>	Menggalakkan keamanan	1
<b>H3b</b>	Mewujudkan kerjasama antarabangsa	1
<b>H3c</b>	Menjamin keselamatan bersama	1
<b>H3d</b>	Keahlian liga ini termasuk negara-negara bersekutu (kecuali Amerika Syarikat) / negara-negara berkecuali	1
<b>F4</b>	Kesan ekonomi	1
<b>H4a</b>	Mengalami inflasi	1
<b>F5</b>	Hutang peperangan yang tinggi	1
<b>H5a</b>	Perbelanjaan perang yang terlalu besar	1
<b>H5b</b>	Pada akhir peperangan, Pakatan Bertiga telah membelanjakan US\$125 bilion / Perikatan Kuasa Tengah membelanjakan US\$60 bilion	1
<b>F6</b>	Masalah pengangguran	1
<b>F7</b>	Pasaran dunia mula diambil alih oleh Amerika Syarikat / Jepun	1
<b>H7a</b>	Kesannya dirasai oleh negara-negara Eropah terutama Britain	1



	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
<b>H7c</b>	Britain kehilangan satu per tiga daripada perdagangan luarnya	1
<b>F8</b>	Kesan sosial	1
<b>H8a</b>	Kehilangan nyawa yang begitu banyak	1
<b>H8b</b>	Kemusnahan kemudahan awan / infrastruktur	1
<b>H8c</b>	Kemusnahan kawasan penempatan	1
<b>H8d</b>	Masalah penyakit berjangkit	1
<b>H8e</b>	Kekurangan ubat-ubatan	1
<b>H8f</b>	Kekurangan air bersih	1
<b>H8g</b>	Masalah kebuluran	1
<b>M</b>	<b>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</b>	
	<b>ms. 231</b>	<b>Mana-mana 7 x 1</b>
		<b>[7 m]</b>

(c) Pada pendapat anda, bagaimanakah konflik peperangan dapat dielakkan?

[5 markah]

	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
<b>F1</b>	Akur dengan Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)	1
<b>F2</b>	Menjalin hubungan berbaik-baik dengan negara luar	1
<b>F3</b>	Penekanan kepada hubungan dua hala	1
<b>H3a</b>	Seperti hubungan bilateral / multilateral	1
<b>F4</b>	Mendukung hak asasi manusia	1
<b>F5</b>	Mengamalkan dasar berkecuali	1
<b>F6</b>	Bertindak sebagai warga global yang bertanggungjawab	1
<b>F7</b>	Peka terhadap usaha memupuk kesejahteraan dunia	1
<b>F8</b>	Tidak terlibat dalam sebarang perlumbaan senjata	1
<b>F9</b>	Memelihara kepentingan nasional	1
<b>F10</b>	Mengekalkan pemeliharaan kedaulatan negara / negara-negara lain	1
<b>F11</b>	Menyelesaikan masalah antarabangsa melalui rundingan / saluran diplomatik	1
<b>F12</b>	Mengekalkan keamanan sejagat	1
<b>F13</b>	Mewujudkan kerjasama antarabangsa	1
<b>F14</b>	Mengamalkan sikap hormat-menghormati	1
<b>M</b>	<b>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</b>	
	<b>ms. 236 - 242</b>	<b>Mana-mana 5 x 1</b>
		<b>[5 m]</b>

### PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT